

KUALA LUMPUR, 15 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU KAKITANGAN KERAJAAN SUPAYA LEBIH MEMENTINGKAN KERJA MEREKA DARI MEMIKIRKAN SOAL GAJI.

+ADALAH SATU FENOMENA PSIKOLOGI UNTUK LEBIH MEMIKIRKAN TENTANG SOAL GAJI BERBANDING DENGAN SOAL-SOAL LAIN,+ KATANYA.

+TETAPI JIKA KITA HANYA MEMIKIRKAN TENTANG SOAL GAJI, KITA MUNGKIN MENJADI GILA KERANA LEBIH BANYAK KITA MEMIKIRKAN MENGENAINYA LEBIH TIDAK ADIL KITA RASA GAJI ITU.+

+OLEH ITU KITA TIDAK DAPAT MEMBENARKAN DIRI KITA MEMIKIRKAN SANGAT SOAL ITU, KERANA KITA MEMPUNYAI TUGAS UNTUK DIJALANKAN DAN PATUT MENJALANKAN SEBAIK-BAIKNYA.

+KITA TIDAK PATUT BEKERJA HANYA KERANA GAJI TETAPI KERANA CINTAKAN NEGARA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA DI AKHIR TAKLIMAT DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM. TAKLIMAT ITU YANG DIBERIKAN OLEH KETUA PENGARAH JPA, TAN SRI AZIZ ZAKARIA MELIPUTI STRUKTUR DAN TUGAS JABATAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP JABATAN ITU AKAN MENGUJUDKAN SATU KUMPULAN PEGAWAI YANG BERDEDIKASI UNTUK MEMBERI PERANSANG PEGAWAI-PEGAWAI LAIN UNTUK MEMAJUKAN LAGI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1547/AI

MAHATHIR-JPA 2 KUALA LUMPUR

+PEGAWAI-PEGAWAI INI PATUT MENANYAKAN DIRI MEREKA APA YANG MEREKA BOLEH BERIKAN KEPADA NEGARA DAN BUKAN APA YANG NEGARA BOLEH BERIKAN KEPADA MEREKA,+ TAMBAHNYA.

KATANYA RAKYAT MALAYSIA SELURUHNYA PATUT MEMPELAJARI DARI BARAT TENTANG CARA-CARA YANG TERBAIK YANG MEREKA BOLEH SUMBANKAN UNTUK KEMAJUANNYA.

+MASALAHNYA DENGAN ORANG-ORANG KITA, MEREKA LEBIH MENIRU KEBURUKAN DARI KEBAIKAN BARAT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA SEPERTI KOREA DAN JEPUN MAJU KERANA RAKYAT MEREKA BEKERJA KUAT DAN DEDIKASI.

+KITA BOLEH MEMBINA NEGARA KITA SEPERTI MEREKA DENGAN SYARAT RAKYAT KITA JUGA BERDEDIKASI DAN BEKERJA KERAS.+

MENGENAI PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN KERAJAAN, BELIAU BERHARAP JPA AKAN DAPAT MEMBERIKAN KEPIMPINAN YANG DINAMIK DALAM MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG MAKMUR.

BELIAU MERASA JPA PATUT MENJADI PUSAT NADI PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERDEDIKASI YANG MEMBERIKAN SUMBANGAN KEPADA KEBAJIKAN NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1552/AI

££

B596:

MAHATHIR-JPA 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, DALAM TAKLIMATNYA TAN SRI ABDUL AZIZ BERKATA PUSAT REKOD KAKITANGAN JABATAN ITU TELAH MENYIAPKAN TUGAS MENGKOMPUTERKAN REKOD 392,000 KAKITANGAN KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

DATA DARI SABAH DAN SARAWAK MASIH DIKUTIP.

TAN SRI ABDUL AZIZ BERKATA DENGAN MENGKOMPUTERKAN REKOD-REKOD, SEGALA DATA MENGENAI KAKITANGAN KERAJAAN AKAN MUDAH DIDAPATI.

KOMPUTER TERSEBUT AKAN MENOLONG JPA UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI BERBAGAI SEKIM PERKHIDMATAN DAN PEMBAGIAN PEGAWAI-PEGAWAI MENGIKUT UMUR, JANTINA, KAUM DAN KELAYAKAN. — BERNAMA 1554/AI